

AGENDA BARU KESELAMATAN DI ERA PASCA PERANG DINGIN?'

*Kamarulnizam Abdullah**

Telah beberapa abad lamanya apabila kita menyebut mengenai keselamatan - dalam konteks hubungan antarabangsa - maka secara relatifnya kita merujuk kepada konsep keselamatan sesebuah negara yang mana boleh diinterpretasikan sebagai keadaan jaminan kelangsungan hidup dan integriti sistem politik, ekonomi, dan sosial. Interpretasi ini banyak dipengaruhi oleh perspektif berasaskan realisme dan neo-realisme. Walaupun kedua-dua pendekatan ini memberikan tumpuan kepada negara sebagai satu entiti yang penting dalam sistem antarabangsa, neo-realisme pergi lebih jauh lagi dengan melihat struktur antarabangsa sebagai satu penjelasan mengapa dan bagaimana konflik dan peperangan itu berlaku. Struktur dunia antarabangsa dilihat sebagai anarki, yakni setiap negara berada di tahap *self-help* (berdikari) dan berusaha mempertahankan *interest* (kepentingan) sendiri. Oleh itu objektif utama negara-negara ialah untuk memperlengkapkan sistem pertahanannya dari ancaman-ancaman luar. Isu-isu ekonomi, etika dan moral diketepikan kerana apa yang penting bagi pendokong realisme ialah penduduk, sempadannya, sistem politiknya dan kedaulatannya terjamin dan selamat.

Terkuburnya Soviet Union dan berakhirnya Perang Dingin mencabar hujah-hujah para pendokong realisme. Pendekatan realis telah dikritik sebagai menjurus ke arah satu dimensi dan tidak berpandangan jauh (Brown 1977, Ullman 1983, Westing 1986).

**Kamarulnizam Abdullah ialah pensyarah dan Ketua Unit Pengajian Strategi dan Keselamatan (UPSK), Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan (FSKK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).*

Mempunyai keupayaan ketenteraan tidak semestinya menunjukkan bahawa sesebuah negara boleh menjadi antara kuasa dunia terbesar. Isu-isu keselamatan bukan sahaja tertumpu kepada pencerobohan kuasa-kuasa luar ke atas sempadan sesebuah negara, tetapi merujuk kepada lebih dari itu. Pendekatan realisme telah dibahaskan semula oleh para sarjana barat (sila lihat Mathews 1989, Sorenson 1990, Buzan 1991, Booth 1991 dan Klare 1996). Oleh yang demikian para sarjana hubungan antarabangsa cuba memperluaskan lagi dimensi isu-isu keselamatan. Isu-isu bukan konvensional seperti kemusnahan alam sekitar, konflik etnik, jenayah penyeludupan dadah, pembangunan ekonomi, penyeludupan wang, jenayah antarabangsa, dan gejala internet telah mula diberi perhatian. Inilah yang dikatakan agenda baru keselamatan (*new security agenda*) yang telah mula menapak dan mendapat tempat di kalangan sarjana keilmuan dan pembuat polisi. Jika dilihat dengan teliti, isu-isu dalam agenda baru keselamatan bukanlah isu-isu yang baru. Dadah misalnya, merupakan isu keselamatan negara yang utama kepada Malaysia semenjak tahun 1970-an. Tetapi ia menjadi satu agenda yang semakin berpengaruh kerana kerelevannya. Yang lebih penting lagi ialah perubahan sikap (*attitude*) dan pandangan dunia masa kini terhadap isu-isu tersebut.

Objektif utama artikel ini ialah untuk membuat kaji selidik perdebatan semasa agenda baru keselamatan. Di samping itu ianya akan menganalisis setakat mana isu-isu yang diutarakan memberi cabaran kepada pendekatan yang diambil oleh para pendokong realisme terutamanya di kalangan para pendokong neorealisme. Adakah pendekatan realisme masih lagi relevan dalam membincangkan masalah keselamatan di era pasca-Perang Dingin? Adakah isu-isu tidak konvensional telah mengambillalih sepenuhnya isu-isu konvensional keselamatan?

Penerbitan dan Penyelidikan Semasa

Kesedaran untuk membentuk semula perspektif dan pemikiran mengenai konsep keselamatan telah mula difikirkan secara serius oleh para sarjana Amerika yang berpendapat bahawa disiplin pengajian keselamatan memerlukan satu kajian semula. Buku yang bertajuk

Security Studies for the 1990s yang disunting oleh Shultz, Godson dan Greenwood (1993) telah memeriksa dan menganalisis semula pengajian-pengajian keselamatan dan merangka beberapa subjek atau tajuk utama yang difikirkan perlu dimasukkan dalam kurikulum pengajian keselamatan. Oleh kerana suasana keselamatan antarabangsa telah berubah dengan pesatnya, kajian keselamatan dan polisi-polisi kerajaan perlu bertindak ke atas perubahan tersebut. Justeru buku ini telah mengutarakan pendekatan baru dari segi penyediaan kurikulum bagi pengajian strategi dan keselamatan.

Antara buku terawal yang membincangkan dan mengutarakan perdebatan mengenai pengkonsepsualisasian semula kajian keselamatan ialah buku yang disunting oleh Booth (1991) bertajuk *New Thinking about Strategy and International Security*. Buku tersebut merupakan hasil dari persidangan Persatuan Kajian Antarabangsa (ISA) di London pada tahun 1989. Antara lain para penulis buku tersebut berhujah bahawa konsep keselamatan harus dilihat dari sudut yang lebih komprehensif, sistematik dan holistik. Holistik bermakna konsep keselamatan perlu dilihat dalam konteks yang lebih global dari sebelum ini kerana ancaman boleh datang dalam berbagai bentuk sama ada dari dalam atau luar sesebuah negara. Buku bertajuk *The New Security Agenda: a Global Survey* (1998), yang disunting oleh Paul B. Stares pula merupakan satu percubaan untuk mengumpulkan perspektif atau pandangan para sarjana dari seluruh dunia mengenai isu-isu baru keselamatan yang menjadi tumpuan utama di benua atau negara mereka. Buku yang diterbitkan oleh Pusat Pertukaran Antarabangsa Jepun (*Japan Center for International Exchange*) dengan bantuan kewangan dari Yayasan Nippon (*Nippon Foundation*) dan Projek Agenda Asia-Pasifik (*Asia-Pacific Agenda Project*) ini merupakan salah satu buku pertama yang cuba mengembangkan pemahaman mengenai agenda baru keselamatan hasil dari kajiselidik para pemikir strategi dan keselamatan, pembuat dasar dan sarjana ilmiah. Pusat Pertukaran Antarabangsa Jepun buat masa ini masih lagi meneruskan projek tersebut dengan memberi penumpuan kepada kajian perbandingan perspektif antara Eropah dan Asia (berdasarkan kertas konsep CeSPI yang ditulis oleh Menotti, Pastore, dan Rosini, 1998).

Di samping itu Pusat Serantau bagi Pengajian Strategi di Colombo, dengan bantuan dana Yayasan Ford telah juga mula membuat kajian awal mengenai perspektif sarjana dan pembuat polisi Asia mengenai keselamatan di bawah projek yang diberi nama Program Hal-Ehwal Keserantauan Antarabangsa di Asia (*Regional International Affairs Program in Asia*). Projek ini berbeza dari segi pendekatan yang dibuat oleh Pusat Pertukaran Antarabangsa Jepun kerana ia hanya cuba mengumpulkan perspektif Asia mengenai agenda baru keselamatan mereka. Buat permulaan, para sarjana akademik dan pembuat polisi dari Asia Selatan dan Asia Timur telah dikumpulkan untuk membincangkan kertas kerja RCSS yang ditulis oleh Limaye, and Snitwongse, (1998). Projek untuk Asia Tenggara pula telah direalisasikan apabila Ford Foundation bersama-sama Pusat Kajian Pertahanan, Universiti Teknologi Nanyang, Singapura telah melancarkan, mulai tahun 2000, program Agenda Keselamatan Baru bagi Asia Tenggara yang telah menghimpunkan beberapa sarjana serantau. Tujuannya ialah untuk menghasilkan buku dan monograph bersabit tajuk yang sama.

Selain dari itu terdapat beberapa artikel, ucapan dan penyelidikan persendirian yang dijalankan untuk membincangkan dan mengkaji arus perkembangan hubungan antarabangsa selepas Perang Dingin di mana mereka cuba mengkonsepsulisasikan semula konsep keselamatan dan melihat apakah isu-isu baru yang telah timbul (lihat Alagappa 1998, Linklater 1997, Halliday 1994, dan Baldwin 1998).

Agenda Baru Keselamatan: Tanggapan dan Fokus

Bila Perang Dingin berakhir, keadaan struktur politik dan ekonomi antarabangsa dengan sendirinya berubah. Ianya bukan sahaja menyediakan kemungkinan kewujudan hubungan baru antara negara malah kemungkinan timbulnya pengaruh yang boleh dimainkan oleh organisasi antarabangsa bukan negara dan masyarakat serta individu itu sendiri. Agenda baru keselamatan yang menekankan aspek-aspek bukan tradisi menjadi tumpuan utama masa kini oleh kerana beberapa sebab. Pertama ialah sistem dwipolar antarabangsa telah menjadi sejarah dan kita sekarang berada dalam sistem unipolar di mana hanya

satu kuasa terbesar Amerika Syarikat yang menjadi arkitek order antarabangsa. Faktor yang kedua ialah proses globalisasi dan kesannya kepada dunia sejagat. Menotti, Pastore and Rosini (1998) mempunyai hujah yang menarik mengenai kesan globalisasi. Menurut mereka pengantarabangsaan hubungan-hubungan ekonomi, sosial dan budaya telah memungkinkan perkembangan baru hubungan antarabangsa dan teknologi informasi. Berakhirnya sistem dwipolar antarabangsa dan kemunculan globalisasi telah mewujudkan satu sistem kedinamikan sosial transnasional yang *spontaneous*. *Spontaneous* di sini bermaksud ianya bukan diwujudkan oleh institusi kerajaan atau kebangsaan atau oleh insitusi antarabangsa. Ia wujud dengan sendirinya akibat kesan globalisasi dunia. Contoh-contoh interaksi spontaneous ini ialah migrasi, aktiviti-aktiviti jenayah antarabangsa, aktiviti-aktiviti pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan (NGOs), komunikasi internet dan pengaliran dana dan modal dari sebuah negara ke sebuah negara yang lain. Oleh yang demikian kedinamikan ini memberikan satu cabaran kepada keupayaan negara-negara untuk mengawal selia (atau untuk menyelaraskan) impak dan kesannya. Ketidakupayaan dan kekurangan sumber untuk mengawalinya boleh memberi kesan sampingan iaitu ianya akan menjanakan ketidakstabilan dalaman atau di sesuatu keadaan mewujudkan persoalan mengenai keabsahan (*legitimacy*) kerajaan yang memerintah.

Rosenau (1997) pula berpendapat bahawa perubahan globalisasi masakini telah membawa perubahan yang besar kepada hal-ehwal antarabangsa. Beliau berhujah bahawa globalisasi ekonomi, teknologi-teknologi canggih dan norma-norma baru yang diperkenalkan telah menyebabkan garisan pemisah antara perkara domestik dan antarabangsa menjadi kabur. Akibatnya peranan negara itu sendiri menjadi suatu tanda tanya dan keefisyenannya dipersoalkan.

Kesan akibat tamatnya Perang Dingin dan munculnya globalisasi telah memberi nafas baru kepada agenda keselamatan. Fokus keselamatan di era pasca-Perang Dingin bukan sahaja tertumpu kepada ancaman-ancaman yang boleh mengganggu gugat kelangsungan politik dan sempadan negara, tetapi juga bagaimana ancaman-ancaman tersebut

secara langsung memberi kesan kepada individu dan masyarakat. Dengan kata lain konsep keselamatan itu sendiri terpaksa dikonsepsualisasikan (memandangkan pendekatan realis dan neorealis telah dicabar). Dalby (1992:117) berhujah bahawa:

Security needs to encompass the interests of the people rather than just states, in gaining access to food, shelter, basic human rights, health care, and the environmental condition that allow these things to be provided into the long term future.

Debat mengenai keselamatan, oleh yang demikian, tertumpu kepada kalangan mereka yang mahu menghadkan perimeter perbincangan dan mereka yang ingin memperluaskan skop konsep keselamatan.

Oleh yang demikian, antara isu-isu bukan konvensional keselamatan ialah "keselamatan ekonomi" yang sebelum ini ditolak oleh kalangan para realis sebagai kurang penting kerana, pada pendapat mereka, isu utama dunia antarabangsa ialah usaha mempertahankan kepentingan sendiri (*national interest*). Tanggapan mengenai "keselamatan ekonomi" ini telah mula mendapat tempat di kalangan sarjana dan pembuat polisi. Walau bagaimanapun terdapat masalah untuk menterjemahkan apakah yang dimaksudkan dengan "keselamatan ekonomi" kerana hubungan antara faktor ekonomi dan faktor keselamatan adalah amat kompleks. Ianya juga mempunyai implikasi yang luas dari segi hubungan antara kerajaan dan rakyat, dan juga hubungan antara negara-negara. Seperti yang kita tahu fungsi pasaran ekonomi terletak pada kesediaan menerima risiko yakni sesebuah syarikat mesti bersedia untuk ditutup atau keluar dari sesuatu pasaran jika perniagaannya tidak menjanakan keuntungan. Tetapi sesebuah negara tidak boleh, menurut Menoti, Pastore dan Rosini (1998), menjalankan perniagaan seperti sebuah syarikat kerana ia mempunyai tanggungjawab sosial dan politiknya yang tersendiri. Oleh yang demikian sesebuah negara terpaksa terus menerima risiko perasaan tidak selamat semasa berjalan dan mengendalikan aktiviti-aktiviti ekonomi. Hal yang jelas ialah hubungan antara pasaran ekonomi dan perasaan tidak selamat ini tidak boleh dipisahkan. Apabila sesebuah negara membuka pasarannya kepada dunia luar, tahap risiko ini

menjadi semakin tinggi kerana ekonomi negara tersebut terdedah kepada pengaruh atau kesan dari turun naiknya pasaran ekonomi dunia. Apabila prospek dunia cerah maka pertumbuhan ekonomi negara juga tinggi dan senario sebaliknya akan berlaku. Kesan yang tidak menentu inilah yang menakutkan negara kerana implikasinya merentasi berbagai sudut dan dikaitkan dengan aspek “keselamatan ekonomi” negara. Tetapi konotasi “keselamatan ekonomi” ini terlalu longgar dan boleh dipertikaikan. Persoalan seterusnya adakah boleh kita menggunakan konsep “keselamatan ekonomi” dan setakat manakah “keselamatan ekonomi” membawa kepada masalah keselamatan negara?

Negara-negara Asia telah mula melihat bahawa “keselamatan ekonomi” mempunyai dampak yang besar kepada keselamatan mereka secara keseluruhannya (Limaye and Snitwongse 1998). Untuk memahami keprihatinan mereka kita harus memahami hujah yang telah dikemukakan oleh Buzan (1991). Oleh kerana keselamatan bersifat berbagai dimensi, maka terdapat perbezaan interpretasi yang jelas berkenaan isu dan maksud keselamatan di sesebuah negara dan juga masyarakatnya. Buzan berhujah bahawa di sebuah negara yang mempunyai keterterapan dan integriti masyarakat yang lemah, terutamanya negara-negara membangun, terdapat tahap penggunaan kekerasan politik yang tinggi, kadar pembangunan semula yang besar dalam institusi politiknya, penggunaan meluas kekerasan oleh rejim yang berkuasa, kewujudan perpecahan yang nyata dan besar dalam ideologi politik tempatan, kurangnya penampilan identiti kebangsaan dan tahap kawalan terhadap media yang tinggi oleh kerajaan. Hujah Buzan boleh dikaitkan dengan idea pemerintahan yang baik (*good governance*). Pemerintahan yang baik di sini ditakrifkan sebagai sebuah kerajaan yang mengamalkan demokrasi dan mempunyai rakyat yang dikenali sebagai masyarakat madani yang aktif dalam memformulasi dasar-dasar negara. Di samping itu pemerintahan yang baik juga mengamalkan dasar terbuka, telus, fleksibel dan bertanggungjawab. Undang-undang yang dirangka dan dipersetujui untuk diimplementasi akan diamalkan dan menjadi pegangan utama. Sistem politik dan ekonominya mengamalkan dasar yang bersih, cekap tanpa kolusi dan rasuah, dan hak-hak asasi manusia dan kebebasan

bersuara dihormati. Berdasarkan konsep yang ideal ini konfrantasi antara negara dapat dielakkan kerana ianya bukan sahaja akan mewujudkan kestabilan dalam negara malahan akan menjamin keselamatan serantau.

Manakala di sebuah negara yang mempunyai keterterapan dan integriti masyarakat yang kuat, idea negara diperkuatkan lagi dengan kestabilan kerajaan dan peranannya diterima oleh sebahagian besar rakyat dan yang demikian objektif utama negara ialah untuk mempertahankan kemerdekaan, identiti politiknya, kebudayaanya dan cara hidupnya dari dicerobohi anasir-anasir luar. Dengan kata lain ancaman terhadap keselamatannya datang dari anasir luar. Ini berbeza di negara-negara membangun (yang terdapat di kebanyakan negara Asia) kerana proses ancaman bukan sahaja datang dari luar tetapi juga dari punca dalaman. Oleh kerana punca-punca ancaman berbeza di kedua-dua jenis masyarakat ini, maka tindakan terhadap punca-punca tersebut haruslah mengambil kira keadaan yang terdapat dan ia memerlukan mekanisme cegahrintang yang berlainan untuk mengatasinya.

Oleh kerana itu faktor turun naik ekonomi mempunyai kesan yang lebih luas kepada negara-negara membangun berbanding negara-negara yang mempunyai integriti masyarakat dan sistem ekonomi yang kukuh. Krisis ekonomi Asia merupakan satu manifestasi keburukan globalisasi kepada negara-negara membangun. Ia menunjukkan bahawa pengaliran dana yang tidak terkawal akan menyebabkan sesebuah negara yang sedang membangun boleh jatuh miskin dengan sekelip mata sahaja. Oleh kerana negara-negara membangun mempunyai sumber ekonomi yang kurang dan mempunyai sistem kawal selia ekonomi yang masih longgar, maka sistem kewangannya dengan senang boleh dipengaruhi dan dimanipulasi oleh elemen luar. Kesannya bukan sahaja boleh membantutkan pembangunan ekonominya tetapi juga boleh mewujudkan ketidakstabilan politik negara. Oleh yang demikian, sesetengah sarjana berpendapat bahawa pengaliran dana tidak terkawal ini merupakan salah satu aspek ancaman kepada keselamatan negara.

Krisis ekonomi juga menghalang usaha negara membangun ini untuk mewujudkan satu masyarakat yang kuat sama ada dari segi politik,

ekonomi maupun pertahanan. Terkuburnya Perang Dingin pada mulanya memberikan negara-negara dari bekas blok komunis kesempatan untuk membangunkan ekonomi mereka. Sebelum ini mereka telah berdepan dengan ancaman-ancaman luaran akibat perbezaan ideologi. Tetapi nampaknya di era pasca-Perang Dingin masalah pembinaan bangsa dan negara masih merupakan satu usaha atau perjuangan yang belum selesai (*unfinished agenda*). Tambahan pula, pembangunan ekonomi dan sosial yang tidak selari menyukarkan lagi usaha-usaha kerajaan terutamanya di negara-negara membangun untuk menyatukan rakyat mereka. Krisis ekonomi yang melanda ini menyulitkan lagi masalah negara-negara ini, yang strukturnya masih lemah, untuk meneruskan lagi polisi-polisi pembangunan ekonomi mereka. Dari aspek lain, negara-negara tersebut terpaksa menangguhkan program pemodenan dan penaikan taraf sistem pertahanan mereka. Ketidakupayaan meneruskan pembangunan sosial, ekonomi, dan pertahanan ini telah mewujudkan beberapa isu lain yang berkait rapat.

Salah satu dari persoalan lain ini ialah fenomena migrasi atau pembanjiran pendatang tanpa izin dan pelarian ekonomi/politik yang telah mengakibatkan kewujudan orang-orang tidak bertempat (*displacement of population*). Migrasi merupakan masalah utama di negara-negara membangun terutamanya di negara-negara yang menghadapi masalah pengangguran yang tinggi. Masalah ini menjadi lebih membebankan apabila terdapatnya krisis ekonomi dan tekanan dari perdagangan dunia. Migrasi di sini boleh dibahagikan kepada dua: migrasi domestik yakni penghijrahan beramai-ramai dari desa ke bandar atau sebaliknya, dan satu lagi migrasi yang merentasi sempadan negara. Sesetengah pihak berpendapat bahawa pembangunan ekonomi yang tidak seimbang di rantau Asia Tenggara akan memburukkan lagi keadaan yang sedia terdapat. Penghijrahan beramai-ramai yang merentasi sempadan bukan sahaja akan mewujudkan masalah ekonomi, sosial dan politik, malahan akan juga menyebabkan kemungkinan timbulnya konflik di antara dua buah negara.

Di kebanyakan negara di Eropah dan Amerika Utara, migrasi atau

penghijrahan rakyat asing ke negara mereka dilihat sebagai strategi untuk menampung sebarang kekurangan sumber ekonomi dan intelektual yang mereka hadapi. Di samping dapat mengurangkan tekanan inflasi tempatan dengan penawaran upah yang lebih murah, migrasi ekonomi ini dianggap positif kerana ianya mengekalkan daya saing ekonomi sesebuah negara. Tetapi negara-negara maju kini melihat aspek migrasi ekonomi dari sudut yang negatif yakni sesuatu yang boleh mengancam keselamatan negara dan ketenteraman awam mereka. Ekoran kemasukan secara tidak sah ramai pendatang asing, migrasi ekonomi kini sudah dilihat sebagai sesuatu yang sudah tidak boleh dikawal. Menurut Pertubuhan Antarabangsa mengenai Migrasi (OIM), penyeludupan pendatang tidak sah di seluruh dunia telah mewujudkan transaksi perniagaan berjumlah antara USD5 dan USD7 billion (Menotti, Pastore, dan Rosini, 1998). Kesan dan implikasi penghijrahan ekonomi ini telahpun kita lihat dan dengar. Perancis menghadapi migrasi penduduk dari utara Afrika. Pada mulanya, kerana sumbangan ekonomi mereka, para imigran ini diterima baik oleh masyarakat tempatan tetapi apabila Perancis dilanda kadar pengangguran dan kemelesetan ekonomi, buruh-buruh asing ini menjadi satu bebanan pula kepada negara Perancis. Penglibatan mereka dalam jenayah semakin meningkat. Ini ditambah pula dengan kemasukan haram para penghijrah yang kadangkala mempunyai hubungan dengan golongan fundamentalis dan pemisah di Algeria, Maghribi dan Mesir. Amerika Syarikat mempunyai masalah yang serupa bersabit pendatang dari Mexico dan begitu juga United Kingdom bersabit para pendatang dari Asia Selatan.

Apa yang menarik ialah fenomena ini juga melanda Malaysia. Pada awalnya penduduk tempatan menerima baik kehadiran pendatang asing yang boleh memenuhi permintaan buruh yang terdapat di sektor-sektor swasta dalam bidang perladangan, pelancongan, pembinaan, kerja rumah, perikanan dan sebagainya. Tetapi seperti juga negara-negara lain yang mengalami proses migrasi ekonomi, kehadiran mereka ini lama kelamaan menjadi satu masalah kepada negara. Pertama ianya memberi kesan kepada sosio-budaya. Keduanya ianya memberi tekanan kepada peluang pekerjaan masyarakat tempatan dan akhirnya pendatang ini telah mula dilihat

sebagai punca ancaman keselamatan (dari sudut awam dan negara) lebih-lebih lagi kepada mereka yang masuk ke negara ini secara tidak sah (Kamarulnizam Abdullah 1999a).

Walau bagaimanapun, kesan krisis ekonomi menjadi lebih parah jika sesebuah negara itu memang telah mewarisi sistem ekonomi tidak terkawal. Pengagihan ekonomi tidak setara menyebabkan mereka yang kaya semakin kaya dan yang miskin semakin miskin. Oleh kerana pembangunan ekonomi tidak dijalankan secara adil dan saksama, ianya memberikan kesan lebih mendalam kepada sistem sosial dan politik negara apabila krisis wujud. Antara kesan pembangunan tidak setara ini kepada masyarakat ialah lahirnya kemiskinan hakiki, buruh kanak-kanak dan wanita, dan pelacuran di kalangan gadis bawah umur. Kebanyakan penganalisis menyalahkan polisi kerajaan yang longgar dan tidak telus, yang mengamalkan nepotisme, rasuah, kolusi, dan kronisme sebagai salah satu penyebab yang menjadikan masalah ini lebih serius. Selain dari itu dasar kerajaan yang memperkenalkan perubahan dasar sosial dan ekonomi dengan terlalu cepat tanpa diperkuatkan dengan pengetahuan dan peraturan-peraturan yang betul juga dikatakan boleh menyebabkan munculnya masalah tersebut.

Pembangunan tidak setara dan tidak dikawal juga memberi kesan kepada alam sekitar. Perdebatan masa kini tertumpu kepada isu pengabaian terhadap pemuliharaan alam sekitar yang dikatakan telah terganggu akibat keghairahan kerajaan untuk membangunkan negara dan mengejar kemewahan hidup bagi mempertingkatkan Keluaran Domestik Negara Kasar (KDNK) negara. Alam sekitar, jika tidak dipelihara dan dipulihara lambat laun akan mengakibatkan terhakisnya sistem eko - dunia akan menjadi semakin panas, keadaan cuaca akan tidak boleh diramalkan dan kemarau jadi berpanjangan. Ini semua merupakan fenomena akibat dari kerakusan manusia yang menyalahgunakan alam sekitar atas nama pembangunan. Persoalan yang sering ditimbulkan ialah bagaimanakah kita dapat menguruskan masalah pencemaran dan mengelakkan kehancuran eko-sistem kita. Persidangan Rio mengenai alam sekitar merupakan usaha utama kerajaan-kerajaan di dunia untuk memastikan kestabilan eko-sistem dunia tetap terkawal. Kita dikatakan kena bersedia kerana ketidak

stabilan sistem eko akan juga memberi kesan kepada kita sendiri (Thomas 1992). Kesannya akan saling kait berkait di antara satu sama lain. Sewaktu jerebu melanda Malaysia dahulu, sebahagian dari kehidupan harian penduduk tempatan telah terganggu. Tahap kesihatan, terutamanya bagi mereka yang mempunyai asma, telah terjejas. Perlanggaran kapal laut awal pada tahun 1997 di Selat Melaka dikatakan telah menjejaskan ekonomi Malaysia kerana sumber kewangan dari sektor pelancongan telah berkurangan. Semuanya ini mempunyai kaitan pula dengan keselamatan manusia dan negara (lihat Deudney 1990 dan Levy 1995).

Di Malaysia kepekaan untuk menjaga alam sekitar tidak begitu tinggi sehinggalah jerebu yang terburuk dalam sejarah negara berlaku pada tahun 1997. Walaupun ianya bukanlah berpunca dari dalam negara, tetapi aktiviti-aktiviti pembalakan dan pembakaran yang tidak terkawal telah memburukkan lagi keadaan. Aspek keselamatan di dalam pemuliharaan alam sekitar sudah dibincangkan oleh para cendekiawan bertahun-tahun lamanya (sila lihat Ullman 1983, dan Mathews 1989). Tetapi ianya menjadi subjek yang serius di akhir tahun 90-an khususnya di Asia Tenggara. Semestinya kita tertanya-tanya bagaimana pencemaran alam sekitar boleh menjadi punca ancaman kepada individu dan masyarakat. Jika sekiranya udara telah dikotori dan dicemari dengan gas yang beracun, sudah tentulah kesihatan terganggu. Jika penduduk menghadapi masalah kesihatan akibat pencemaran, maka sistem ekonomi, dan pentadbiran politik negara akan tergendala. Bila semuanya ini tergendala, apakah yang akan berlaku kepada negara? Siapakah yang akan mengendalikan tugas pentadbiran mempertahankan negara? Sesuatu yang lebih serius akan berlaku sekiranya bilangan kematian bertambah akibat pencemaran tersebut. Maka dengan sendirinya daya ketahanan individu, masyarakat dan negara akan diancam bukan dari pencerobohan secara fizikal oleh kuasa asing tetapi dari ketidakupayaan negara untuk mempertahankannya dan memastikan survival sendiri (kelangsungan hidup sendiri!).

Selain dari itu fokus isu bukan konvensional keselamatan tertumpu juga kepada kesan globalisasi ke atas perkembangan sains dan

teknologi. Dunia sekarang dihantui oleh kecanggihan teknologi maklumat. Dalam beberapa insiden, kecanggihan ini telah memakan diri sendiri dan ia boleh disifatkan sebagai salah satu ancaman kepada keupayaan negara mempertahankan kedaulatannya. Sistem komputer di Pentagon (Kementerian Pertahanan Amerika Syarikat) pernah dicerobohi oleh pihak yang tidak bertanggung jawab. Oleh sebab itu, Rothkopf (1998) berhujah bahawa revolusi dunia akibat IT telahpun bermula walaupun implikasinya masih belum nyata dan jelas. Malah beliau pergi lebih jauh lagi dengan berhujah bahawa '*realpolitik*' di era baru masa kini adalah siberpolitik. Dalam keadaan yang sedemikian itu, kuasa-kuasa tradisional seperti negara-bangsa boleh ditentang atau dilemahkan oleh kuasa informasi atau IT (Rothkopf, 1998:325). Jadi, dalam keadaan yang sedemikian itu, maka nasib sesebuah negara itu bergantung kepada ada atau tiadanya keupayaannya menyediakan prasarana yang cukup untuk menghadapi "ancamannya". Perkembangan pesat teknologi maklumat juga memberi kesan kepada sosio-budaya sesuatu masyarakat. Dalam sebuah masyarakat yang mengamalkan prinsip keadilan dan kebebasan, perkembangan teknologi maklumat merupakan satu perkembangan yang positif kerana idea-idea dapat dikembangkan ke seluruh dunia.

Tetapi bagi masyarakat yang menekankan tradisi lama dan agama, terutamanya di Asia, perkembangan tersebut merupakan satu ancaman kepada gaya dan ketradisional budaya mereka. Perkembangan televisyen satelit dan internet dilihat sebagai cabaran kepada nilai-nilai hidup masyarakat tempatan seperti agama, bahasa dan budaya yang menjadi sumber identiti yang dipertahankan. Jika ini diganggu gugat atau diancam maka ia bukan sahaja akan menyebabkan ketidakstabilan politik dan sosial, tetapi boleh menjejaskan keupayaan rejim yang berkuasa untuk mengurus pentadbiran negara secara bebas (Kamarulnizam Abdullah 2000: 23). Sejak sekian lama sudah terdapat punca-punca ancaman terhadap kestabilan Malaysia, contohnya, yang datang dari faktor dalaman itu sendiri (Kamarulnizam Abdullah 1999b). Seperti negara Dunia Ketiga yang lain, Malaysia, sewaktu Perang Dingin, telah dihantui oleh usaha untuk menyatupadukan masyarakat majmuknya, terutamanya apabila berhadapan dengan perang gerila Parti Komunis Malaya, usaha pembenterasan ekstremis

agama, dan pembasmian gejala dadah. Walaupun begitu, fokus ancaman juga tertumpu kepada sumber-sumber luaran seperti ancaman-ancaman pengembangan pengaruh komunisme di rantau Asia-Tenggara dan kesan limpahan konflik negara jiran.

Dengan wujudnya teknologi maklumat dan kemudahan televisyen satelit, perdebatan di Malaysia sekarang tertumpu kepada persoalan sejauh mana nilai-nilai dan norma-norma asing dapat membantu proses pembangunan masyarakat Malaysia. Persoalan-persoalan yang timbul ialah: Bagaimanakah nasib generasi-generasi akan datang? Dan masih adakah lagi anak Melayu, misalnya, yang mempunyai nama, karektor, keperibadian, dan semangat yang melambangkan bangsa dan agamanya? Dapatkah masyarakat Malaysia secara keseluruhannya berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan masyarakat lain di dunia ini? Persoalan ini timbul kerana apabila masyarakat lemah maka dengan sendirinya negara itu menjadi lemah. Negara wujud bukan sahaja kerana ianya mempunyai wilayah dan sistem kerajaan yang mempunyai keupayaan mentadbir hal-ehwal dalamnya secara bebas tetapi bergantung juga kepada kekuatan masyarakat atau rakyat itu sendiri. Negara tidak akan menjadi kuat jika rakyatnya lemah. Dengan secara tidak langsung keadaan tersebut akan menganggu gugat keselamatan dan kestabilan negara.

Bagaimanakah harus kita mengatasi isu-isu keselamatan yang dianggap 'baru' ini? Para cendekiawan berpendapat perlu wujud satu bentuk kerjasama yang lebih menyeluruh antara negara walaupun sesuatu isu tersebut membabitkan masalah dalaman. Oleh itu pemisahan antara hal-ehwal luar dan hal-ehwal dalaman sesebuah negara perlu didefinisikan semula. Laporan kertas kerja CeSPI (yang ditulis oleh Menotti, Pastore, dan Rosini, 1998) dan Kertas RCSS (yang ditulis oleh Limaye, and Snitwongse, 1998) mengesyorkan beberapa bentuk kerjasama masa kini dan akan datang. *Rationale* kerjasama tersebut ialah walaupun sesuatu isu merupakan masalah dalaman sesebuah negara ianya boleh melimpah ruah menjadi isu antarabangsa dan boleh menyebabkan konflik antara negara. Isu jerebu yang dikaitkan dengan proses pembakaran hutan dan pencemaran oleh sesebuah negara boleh merebak kepada negara jiran. Begitu juga dengan masalah migrasi

politik dan ekonomi, jenayah komputer segala ini memerlukan semua negara bekerjasama untuk mencegahnya. Oleh itu antara syor-syor mereka ialah agar pihak bersabit:

- * menjalinkan kerjasama yang sistematik dan berterusan antara negara dalam menangani masalah-masalah keselamatan baru ini.
- * mewujudkan hubungan berbagai hala (*multilateralism*) berdasarkan kepada kekukuhan hubungan serantau sedia ada.
- * memastikan pengembangan konsep yang inovatif mengenai juridiksi dalaman yang harus mempunyai skop yang sempit dan konsep kedaulatan negara yang harus juga mempunyai konsep yang lebih fleksibel dari yang sedia ada.
- * mengembangkan penyelidikan bersilang di antara sarjana keselamatan dan ekonomi.

Tanggungjawab untuk menghadapi keselamatan bentuk baru ini bukan sahaja terletak kepada negara tetapi juga aktor bukan negara. Para penganalisis berhujah bahawa telah tiba masanya peranan individu dimainkan dan digembelingkan dengan lebih efektif kerana masalah-masalah yang dibincangkan di atas secara langsung mengancam keselamatan mereka (Thomas 1992). Di samping itu peranan negara harus juga dinilai semula dalam menghadapi arus perkembangan semasa ini (Rosenau 1997, Halliday 1994). Peranan organisasi bukan kerajaan (NGOs) perlu ditekankan selain dari peranan yang boleh dimainkan oleh organisasi-organisasi multi-nasional dan antarabangsa.

Realisme dan Agenda Baru Keselamatan

Setakat manakah pendokong realisme bertindak terhadap perkembangan terbaru ini? Realisme, sama ada realisme klasik atau neorealisme mempunyai perspektif pesimis mengenai politik antarabangsa, yakni berdasarkan pada tanggapan utamanya bahawa dunia politik antarabangsa berbentuk anarki dan oleh itu tidak wujud kerajaan pusat yang dapat mengawal selia dan bertindak sebagai kuasa terakhir. Neorealisme, sepertimana yang telah disentuh di awal artikel ini, melihat kepada struktur antarabangsa bagi menerangkan mengapa dan bagaimana konflik dan peperangan itu berlaku. Oleh

kerana wujudnya keadaan anarki tersebut maka peperangan menjadi satu perkara yang tidak dapat dielakkan dan kerajaan mungkin terpaksa menggunakan kekerasan untuk mempertahankan diri mereka.

Bagi para realis, terdapat perbezaan antara politik antarabangsa dan politik domestik. Prinsip keutamaan politik domestik adalah berdasarkan kepada prinsip hieraki (manakala politik antarabangsa pula bercorak anarki) yakni kerajaan mempunyai monopoli untuk menggunakan kuasa kekerasan secara sah (walhal di tahap antarabangsa hak untuk menggunakan kekerasan terletak kepada tahap kuasa dan keupayaan negara) (Alagappa 1998). Pembahagian antara politik antarabangsa dan domestik oleh para realis ini telah mewujudkan satu label yang digelar state-centric kerana:

- * realisme memberi fokus yang lebih kepada arena politik antarabangsa dan hampir melupakan tahap politik domestik (walau bagaimanapun realisme menerima pengaruh politik birokratik, struktur politik dan kepentingan dalaman sebagai beberapa faktor yang boleh mempengaruhi tingkah laku negara di arena antarabangsa)
- * fokus keterlaluan kepada negara sebagai aktor negara yang rasional dengan kelakuannya dipengaruhi oleh struktur antarabangsa.

Oleh yang demikian, keselamatan bagi kebanyakan para pendokong realisme didefinisikannya sebagai satu percubaan untuk membebaskan diri dari perasaan takut dan ancaman. Penekanannya dalam hal ini terletak kepada keupayaan negara untuk bertindak menghapuskan perasaan tersebut (lihat Walt 1991: 212; Morgan 1992: 470; Booth 1991: 539; dan Buzan 1991: 18).

Walau bagaimanapun, tanggapan realis ini telah menerima kritikan yang hebat sejak akhir-akhir ini terutamanya dari pendokong liberalisme, terutamanya dari pendokong neoliberalisme yang juga dikenali sebagai pendokong liberalisme komersial yang berhujah bahawa kepentingan perniagaan antarabangsa dan saling kebergantungan ekonomi boleh meredakan konflik antarabangsa tanpa melibatkan kekerasan melalui penggunaan ketenteraan. Bagi para

pendukung neoliberalisme, kedua-dua faktor tersebut dapat mengendurkan ketegangan dalam dunia yang berbentuk anarki. Walaupun neoliberalisme menerima hakikat bahawa negara memang aktor utama dunia antarabangsa, namun negara lebih cenderung untuk meminimumkan konflik dengan menggerakkan ekonomi kepada ekonomi antarabangsa. Dengan bertambahnya keuntungan yang diterima hasil dari perniagaan antarabangsa yang menggunakan kos yang rendah maka pembelajaran sosial telah bermula. Negara telah mula belajar bahawa hubungan baik antara kepentingan ekonomi domestik dan ekonomi global dapat merendahkan kepentingan untuk mempertahankan kebebasan politik dan integriti sempadan (Alagappa 1998). Insentif untuk memulakan peperangan menjadi kendur kerana negara kini mula memikirkan kos dan keuntungannya. Oleh yang demikian, kerjasama adalah lebih penting dari persaingan untuk mencapai keselamatan negara. Perkembangan globalisasi yang berlaku masa kini seolah-olah mencabar kewibawaan tanggapan para realis.

Terdapat juga perdebatan yang meletakkan negara sebagai asas kepada masalah keselamatan itu sendiri (lihat Booth 1991 dan Dalby 1992). Negara (dibaca kerajaan) boleh, sesetengah sarjana berpendapat, menjadi punca ancaman kepada keselamatan individu dan masyarakat. Contoh yang jelas ialah apabila terdapatnya sesebuah kerajaan yang diterajui oleh pemerintahan kuku besi atau rejim tentera. Dalam sesetengah kes terutamanya di negara-negara membangun, konsep keselamatan negara itu menjadi satu isu tanda tanya dan menjadi mainan politik kerajaan untuk menjustifikasikan tindak tanduknya. Walaupun Buzan (1991) berhujah bahawa jika kita tidak mengaitkan keselamatan kerajaan dengan keselamatan negara maka negara akan hancur, tetapi sebaliknya membenarkan hubungkait tersebut boleh pula mewujudkan keadaan yang membolehkan atau menjadikan negara itu sendiri mengancam penduduknya. Mereka yang selalu menjadi sasaran utama ialah mereka yang lemah dan miskin, wanita dan kanak-kanak, golongan minoriti dan orang-orang tua. Oleh itu keselamatan patut juga merangkumi keselamatan golongan ini seperti yang telah dibincangkan di dalam artikel ini.

Perdebatan kedua ialah tanggungjawab negara menjadi semakin besar terutamanya di era pasca-Perang Dingin ini dan masalah-masalah

keselamatan bukan sahaja tertumpu kepada bidang kuasa kerajaan di sesebuah negara tetapi merangkumi juga negara-negara serantau dan global. Peranan dan identiti negara dilihat semakin tidak relevan. Krisis ekonomi mencabar keunggulan negara menyelesaikan masalah tersebut dan mengurangkan kuasa autonomi negara bertindak. Masalah eko-sistem tidak boleh diselesaikan oleh hanya satu negara kerana ianya merangkumi setiap tahap masyarakat dunia dari individu kepada organisasi antarabangsa. Negara dilihat tidak lagi efektif dalam mengawal agenda politik, ekonomi dan pertahanan. Sebaliknya peranan aktor-aktor bukan negara dilihat semakin penting.

Walau bagaimanapun, terdapat sesuatu kekurangan pada hujah yang mengatakan negara menjadi semakin tidak relevan di dunia antarabangsa. Meletakkan manusia sebagai rujukan kepada keselamatan dan bukannya negara akan mengwujudkan lebih banyak kesamaran sepertimana yang dihujah oleh Allagappa (1996:18):

Putting people at the center of security analysis will help to keep ends and means in perspective, highlighting contradictions like the strategy of nuclear deterrence, for example. However, as a concept and referent, "the people" is just as ambiguous and diverse as "the state," if not even more so. Who defines the interests of the people? Who speaks for them? And how are the interests of the individuals aggregated into the whole?"

Oleh yang demikian, menurut beliau meletakkan manusia sebagai fokus analisis keselamatan tidak bermakna negara tidak lagi relevan kerana negara masih lagi dari segi politiknya berkuasa dan merupakan unit yang efektif dalam menyelesaikan masalah keselamatan dan tanggungjawabnya kepada rakyat. Oleh yang demikian isu-isu yang menyelubungi agenda baru keselamatan, bagi para pendokong realisme, tidak memberi sebarang kesan kepada tanggapan mereka yang mengatakan bahawa pertama, negara masih lagi aktor utama dan keduanya perlakuan negara adalah berdasarkan kepentingan sendiri / kebangsaan (*national interest*).

Jika diteliti perdebatan antara para pendokong neorealisme dan neoliberalisme, mereka masih lagi menekankan kepada negara sebagai aktor utama. Para sarjana Asia, tambahan lagi, berhujah bahawa perbezaan antara isu-isu keselamatan konvensional dan bukan konvensional bukanlah perkara baru. Konsep keselamatan di Asia, sama seperti di negara-negara membangun (yang telah saya sentuh di awal artikel tadi), adalah komprehensif yakni ianya merangkumi aspek dalaman dan luaran. Pada dasarnya Asia masih lagi melihat keselamatan negara sebagai asas kepada beberapa aspek keselamatan yang lain. Tanpa keselamatan negara, tiada masa dapat diperuntukkan untuk melihat isu-isu keselamatan yang lain (Limaye, and Snitwongse, 1998). Persekitaran hubungan antarabangsa Asia masih lagi tertumpu kepada isu-isu konvensional sepertiimbangan kuasa (*balance of power*) dari sudut konflik Korea dan peranan China di Asia Timur dan juga langkah-langkah bagi membina keyakinan serantau (*confidence building measures*)

RUMUSAN

Perdebatan agenda baru keselamatan semakin mendapat tempat di kalangan para sarjana terutamanya di Barat. Terdapat tiga pemerhatian yang dapat disimpulkan mengenai perdebatan tersebut.

Pertama ialah perdebatan tersebut timbul hasil dari era globalisasi yang sedang melanda dunia antarabangsa. Globalisasi dilihat sebagai:

...the intensification of worldwide social interactions which link distant localities in such a way that local happenings are shaped by events occurring many miles away and vice versa (Giddens 1990)

Akibatnya, isu-isu baru telah timbul semasa para sarjana membicarakan soal keselamatan. Persoalannya ialah apakah yang kita maksudkan dengan keselamatan selepas berakhirnya Perang Dingin dan munculnya pula proses globalisasi? Walaupun para sarjana mengenai keselamatan

Dunia Ketiga seperti Buzan dan Thomas tidak melihat peranjakan yang signifikan, sarjana-sarjana yang terdedah dengan konsep keselamatan negara ala- Amerika begitu beriya-nya menyatakan bahawa konsep keselamatan perlu dilihat dan dinilai semula. Keghairahan mereka sememangnya boleh difahami kerana fokus kajian keselamatan di era Perang Dingin lebih tertumpu kepada bagaimana Amerika Syarikat dan Soviet Union berupaya menggunakan kekuatan masing-masing untuk menyerang antara satu sama lain. Maka timbullah konsep imbalan kuasa (satu konsep yang unik kepada realisme), gabungan kuasa, peperangan nuklear, nuklear musim sejuk dan sebagainya. Padahal negara-negara membangun yang lain lebih menumpukan perhatian kepada aspek keselamatan dalaman mereka; yakni bagaimana untuk memastikan rakyat dapat makan pada setiap hari dan bagaimana musuh-musuh politik mereka dapat dihapuskan.

Pemerhatian kedua ialah mengenai tahap menganalisis konsep keselamatan itu sendiri. Sudah tentu kepada pendokong realisme, tahap analisisnya (*level of analysis*) ialah kepada negara kerana negara dilihat sebagai aktor yang utama. Bagi para liberal pula, mereka lebih suka melihat kepada tahap masyarakat dan individu demi memahami perlakuan negara, manakala para realis global pula melihat kepada konteks yang lebih besar yakni bagaimana suasana global dapat mempengaruhi masyarakat dan negara untuk bertindak.

Persoalan mengenai pada tahap manakah analisis patut dilakukan bilamana kita membincangkan isu agenda baru keselamatan membawa kita kepada isu yang terakhir, yakni peranan negara. Sejauh manakah peranan negara itu berkesan dan adakah objek keselamatan itu terletak pada negara? Evan dan Newnham (1998:201) berhujah bahawa proses globalisasi telah juga memberi kesan kerana:

... state-centric agencies and terms of reference are dissolved in favour of a structure of relations between different actors operating in a context which is truly global rather than merely international.

Ini tidak dapat dielakkan kerana menurut Smith dan Baylis (1997: 7)

peranan negara telah semakin terpinggir kerana proses globalisasi adalah:

a process of increasing interconnectedness between societies such that events in one part of the world more and more have effects on peoples and societies far away.

Manakala Rosenau (1997) pula telah melihat kepada apa yang dilabelkannya sebagai frontier yang dikatakan akan mengambil alih peranan negara di masa akan datang.

Adalah tidak memmeranjatkan apabila para pendokong realisme menolak pendekatan tersebut. Seperti yang telah dibincangkan dalam artikel ini, walaupun proses globalisasi, pada pendapat para pendokong realisme, telah menyebabkan fokus keselamatan lebih tertumpu kepada individu dan masyarakat, ini tidak bermakna bahawa peranan negara telah menjadi tidak relevan lagi. Struktur antarabangsa masih lagi *state-centric* kerana *order* dan kuasa untuk menentukan halatuju dunia masih lagi terletak pada keupayaan negara atau negara-bangsa. Kepada pendokong realisme, negara mempunyai kuasa dari segi kedaulatannya walhal aktor-aktor bukan negara tidak mempunyai kelebihan tersebut. Walaupun ancaman kepada keselamatan dikatakan menggugat individu dan masyarakat, tanggungjawab terakhir untuk menanganinya terletak pada negara itu sendiri. Oleh yang demikian, fokus isu-isu keselamatan di era pasca-Perang Dingin masih tidak dapat lari dari aspek konvensional keselamatan kerana, saya berhujah, negara-bangsa itu masih lagi menjadi aktor utama dalam sistem antarabangsa. Walaupun tahap analisis keselamatan masa kini tertumpu kepada kesejahteraan individu dan masyarakat, ianya secara tidak langsung akan memberi kesan kepada negara. Dengan kata lain analisis terakhir masih lagi tertumpu, terutamanya apabila kita melihat masalah keselamatan rantau, kepada keupayaan negara mempertahankan kelangsungan politik dan sempadannya (lihat Waltz 1955), dan juga keupayaannya menyelesaikan konflik akibat dari isu-isu yang timbul. Oleh yang demikian, pada pendapat saya, tidak timbul sama sekali persoalan sama ada realisme (dan neorealisme) masih lagi relevan atau tidak dalam pembicaraan tentang agenda baru keselamatan.

NOTA

¹ Artikel ini (asalnya dalam Bahasa Inggeris) juga adalah hasil penyertaan saya di International Workshop in Regional International Affairs Program in Asia anjuran Pusat Pengajian Strategik Serantau (RCSS) diatas pembiayaan Yayasan Ford di Colombo, Sri Lanka dari Disember 15-16, 1998 dan juga hasil pembentangan pada tajuk yang sama di Seminar Mingguan Fakulti SKK, UKM pada 18 Mac 1999. Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada saudara Mahmud Embong kerana komen dan kritiknya.

BIBLIOGRAFI

- Alagappa, Muthiah. 1996. "Defining Security: A Critical Review and Appraisal of the Debate." Kertas Kerja yang Dibentangkan di Workshop on *Second Asia's Conceptions of Security*, Anjuran Institut Pengajian-pengajian Asia Tenggara (ISEAS), Singapura dan East-West Center, Hawaii di Hotel Imperial, Singapura, 21-25 Mac, 1996.
- _____. 1998. "Redefining Security: A Critical Review and Appraisal of the Debate." Dalam *Asian Security Practice: Material and Ideational Influence*. Disunting oleh Muthiah Alagappa. Stanford: Stanford University Press.
- Baldwin, David A. 1995. "Security Studies and the End of the Cold War." *World Politics*, 48 (1):125.
- _____. 1997, "The Concept of Security". *Review of International Studies* 23:5-26.
- Booth, K. 1991. "Security in Anarchy: Utopian Realism in Theory and Practice." *International Affairs*, 67(3).
- Buzan, Barry. 1991. *People, States, and Fear: An Agenda for International Security Studies in the Post-Cold War Era*. Boulder, Co.: Lynne Rienner.

- Dalby, S. 1992. "Security, Modernity, Ecology: The Dilemmas of Post-Cold War Security Discourse." *Alternatives* 17.
- Deudney, Daniel. 1990. "The Case Against Linking Environmental Degradation and National Security." *Millennium*, 19(3): 461-476.
- Evan, Graham, and Newnham, Jeffrey. 1998. *Dictionary of International Relations*. London etc.: Penguin Books.
- Giddens, A. 1990. *The Consequences of Modernity: Self and Society in the Late Modern Age*. Cambridge: Polity Press, and Standford: Standford University Press.
- Halliday, F. 1994. *Rethinking International Relations*. Basingstoke and London: MacMillan.
- Kamarulnizam Abdullah. "Globalisasi dan Nilai kekuatan Kita" *Massa*. 11-17 Mac, 2000.
- _____. 1999a. "Masalah dan Prospek Keselamatan Negara Malaysia di Era Pasca Perang Dingin", Kertas Kerja yang dibentangkan di *Seminar Sehari Keselamatan Sektor Awam dan Swasta*, Kuala Lumpur, 10 Februari.
- _____. 1999b. "National Security and Malay Unity: The Issue of Radical Religious Elements in Malaysia". *Contemporary Southeast Asia*. 21(2): 261-83).
- Klare, Michael T. 1996. "Redefining Security: The New Global Schisms." *Current History*, 95(604): 353-358.
- Levy, Marc A. 1995. "Is the Environment a National Security Issue?" *International Security* 20 (2): 35-62.
- Limaye, S and Snitwongse, K. "Regional International Affairs Program in Asia". Kertas Diskusi di seminar *Regional*

- International Affairs Program in Asia* anjuran Regional Centre for Strategic Studies (RCSS), Colombo, Desember 15-16, 1998
- Linklater, Andrew. 1997. "The Transformation of Political Community: E.H. Carr, Critical Theory and International Relations." *Review of International Studies*. 23:321-338.
- Mathews, Jessica. 1989. "Redefining Security". *Foreign Affairs*, 68(2): 162-177.
- Menotti, R; Pastore, F.; dan Rosini, M. "The New Security Agenda" Kerja CeSPI yang dibentangkan di *ACEC Workshop*, Seoul, 1998.
- Morgan, P. 1992. "Safeguarding Security Studies." *Arms Control*, 13(3).
- Rosenau, James N. 1997. *Along the Domestic-Foreign Frontier: Exploring Governance in a Turbulent World*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Rothkopf, David J. 1998. "Cyberpolitik: The Changing Nature of Power in the Information Age." *Journal of International Affairs*. 51(2)325-359.
- Smith, Steve, and Baylis, John. 1997. "Introduction". *The Globalization of World Politics: An Introduction to International Relations*, edited by John Baylis and Steve Smith. New York: Oxford University Press.
- Shultz, Richard; Godson, Roy; dan Greenwood, Ted (pnyt.) 1993. *Security Studies for the 1990s*. Washington, New York, dan London: Brassey's (US).
- Sorenson, Theodore C. 1990. "Rethinking National Security." *Foreign Affairs*, 69(3): 1-18.

Stares, P.B. (ed.) 1998. *The New Security Agenda*. Tokyo New York: Japan Center for International Exchange.

Thomas, Caroline. 1992. *The Environment in International Relations*. London: The Royal institute of International Affairs.

Ullman, Richard H. 1983. "Redefining Security." *International Security*, 8(1): 129-153.

Walt, S. 1991. "The Renaissance of Security Studies." *International Studies Quarterly*. 35.

Waltz, K. 1955. . New York: Columbia University Press